

06 DEC 1998

SOROS TIADA HAK SURUH MAHATHIR DISINGKIRKAN, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 6 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok berkata pedagang matawang antarabangsa George Soros tidak mempunyai hak untuk meminta supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan kerana pelantikan beliau dibuat oleh rakyat Malaysia menerusi pilihan raya.

"Gesaan individu seperti Soros, yang tidak mempunyai rasa hormat terhadap demokrasi, perlu diketepikan. Orang sepertinya hanya mengutamakan kepentingannya sendiri," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata kenyataan Soros adalah melampau kerana ia mempersoalkan kebijakan rakyat Malaysia yang memilih Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Dompok berkata beliau percaya rakyat akan terus menyokong kepimpinan Dr Mahathir terutama semasa adanya campur tangan pihak luar.

-- BERNAMA

JS NAK